



MAJLIS PENUTUP MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2018

Sekretariat,

MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)

Aras 5, Blok D4, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 2354 E-mel: ncosh@mohr.gov.my


Anjuran bersama:



JABATAN KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN



Dengan kerjasama:



MALAY-SINO
CHEMICAL INDUSTRIES
SDN. BHD.

**TEMA:
“WORKPLACE
ACCIDENT
FREE WEEK”
(WAFEW)**

Disempurnakan oleh:

YB M. KULA SEGARAN
Menteri Sumber Manusia



1.0 Pengenalan

Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau lebih sinonim dengan nama *OSH Week* disambut pada Minggu ke-2 bulan Julai setiap tahun. *OSH Week* adalah bertujuan untuk mempromosikan budaya pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja. Selain itu, pengajuran *OSH Week* juga mendidik dan memberi pendedahan selain kefahaman kepada pihak majikan dan pekerja mengenai aspek KKP semasa bekerja dengan memberi penekanan kepada konsep pengenalpastian hazard (bahaya) di tempat kerja, menganalisa risiko bahaya tersebut dan membuat kawalan terhadap bahaya yang dikenalpasti atau dipanggil sebagai *HIRARC* (*Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control*). Apabila konsep *HIRARC* ini telah menjadi amalan di tempat kerja, maka usaha Kerajaan untuk mewujudkan budaya pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan dapat direalisasikan dan ini sekaligus dapat membantu meningkatkan produktiviti organisasi dan melahirkan generasi pekerja yang selamat dan sihat.

Pada tahun ini, tema atau konsep program *OSH Week* adalah *Workplace Accident Free Week* atau Minggu Bebas Kemalangan di Tempat Kerja. Konsep program ini adalah satu konsep baharu yang digunakan oleh pihak Jabatan ke arah pengurangan kadar kemalangan dan maut di tempat kerja pada tahun 2018. Program intervensi inovatif ini adalah program yang akan mendapat liputan luas selain berkos rendah dan efektif dari segi pelaksanaannya.

Majlis pelancaran telah diadakan pada 10 Julai 2018 (Selasa) di Pusat Latihan Perodua, Sg. Choh, Rawang, Selangor dan disempurnakan oleh YB Dato' Mahfuz bin Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia.

2.0 Objektif

- menyampaikan mesej kepentingan mengamalkan budaya pencegahan bagi mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja;
- mempromosi konsep *HIRARC* kepada para majikan dan pekerja di seluruh negara; dan
- menerap konsep *HIRARC* di tempat kerja agar budaya kerja selamat dan sihat dapat diwujudkan.

3.0 Faedah Pelaksanaan Program

- Mewujudkan persekitaran kerja kondusif yang selamat dan sihat kepada pekerja dan orang lain di tempat kerja;
- Memupuk dan meningkatkan tahap kesedaran terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) kepada pihak pengurusan syarikat; dan
- Membantu dalam mengintegrasikan Budaya Kerja Selamat dan Sihat di dalam sistem pengurusan yang sedia ada.

4.0 Pelaksanaan Program

Program ini dilaksanakan di seluruh Malaysia di mana Pejabat JKKP Negeri akan membantu dari segi koordinasi dan penyeliaan program yang dijalankan oleh syarikat atau tempat kerja yang berdaftar untuk program ini pada **9 Julai hingga 15 Julai 2018**. Pelaksanaan program WAFEW 2018 adalah seperti berikut:



ATUR CARA MAJLIS PENUTUP MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2018

Tarikh: 28 Julai 2018 (Sabtu)

Tempat: Malay-Sino Chemical Industries Sdn Bhd, Ipoh, Perak.

Masa	Perkara
08.30 – 09.00 pagi	Pendaftaran Peserta & Minum Pagi
09.00 – 09.05 pagi	Taklimat Keselamatan
	Bacaan Doa
09.10 – 09.20 pagi	Ucapan Pembukaan oleh Pengarah JKKP Perak
09.20 – 9.40 pagi	Taklimat <i>Information to Public</i> berkaitan <i>Major Hazard Installation</i> – Malay-Sino Chemical Industries Sdn Bhd
09.40 – 10.10 pagi	Perkongsian Amalan Terbaik “Top Management Commitment” – FYS Marketing Sdn Bhd
10.10 – 10.50 pagi	Pencapaian WAFEW 2018 - JKKP
Majlis Perasmian	
10.30 – 11.00 pagi	Ketibaan Tetamu Jemputan & Dif Kehormat
11.00 pagi	Ketibaan YB M. Kula Segaran, Menteri Sumber Manusia
	Nyanyian Lagu
	• Negaraku
	• Budaya Kerja Selamat dan Sihat
	Taklimat Keselamatan
	Bacaan Doa
	Ucapan Aluan
	YBhg. Dato' Lee Hau Hian, Pengerusi Malay-Sino Chemical Industries Sdn. Bhd.
	Ucapan Perasmian
	YB Tuan M. Kula Segaran, Menteri Sumber Manusia
	Gimik Perasmian dan Tayangan Video Montaj
	Penyampaian Sijil Penghargaan
	Sidang Media
	Lawatan Kilang / Pameran
	Jamuan Makan / Bersurai
1.00 tengah hari	